

BAB 1

Pengenalan

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pendahuluan .

Kajian ini merupakan kajian yang berfokuskan kepada pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan pengajaran Bahasa Arab Komunikasi yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Naim Lil-Banat, Kota Bharu, Kelantan. Dalam bahagian pendahuluan ini, Pengkaji mencuba mengimbas kembali sejarah ringkas penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Naim Lil-Banat (SMK(A)NL). Sekolah (SMK(A)NL) ini telah dibuka sejak Februari 1941 yang mana orang yang bertanggungjawab membukanya ialah **Haji Nik Yahya bin Nik Daud**, hasil sumbangan idea **Haji Muhamad Fadhullah Suhaimi**, seorang saudagar dari Singapura dan beliau juga memegang jawatan sebagai Pengetua pada masa itu. Pada ketika itu, kelas 1 telah diadakan di rumah **Haji Nik Yahya** yang terletak di Jalan Putra Semerak dengan 7 orang murid dan seorang guru, **Ençik Hussain Muhammad** yang berkelulusan Pondok Kuliah Al-Attas, Johor.

Pada tahun 1945, jumlah pelajar telah meningkat kepada 200 orang dengan 2 orang guru iaitu **Haji Muhamad Fadhullah Suhaimi** dan **Haji *Yaakob Idris**. Pengetua pada masa itu ialah **Haji Idris bin Haji Omar**. Dua

tahun kemudian iaitu pada tahun 1947, madrasah ini telah berpindah ke Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu. Hasil usaha **Haji Nik Yahya** dan sahabatnya serta sumbangan derma orang ramai, madrasah ini telah ditambah kemudahan fizikalnya terutama kelas sebanyak 7 kelas bermula dari kelas 1 hingga kelas 7. Begitu juga dengan bilangan guru. Madrasah ini telah mendapat 3 orang tenaga pengajar dari Indonesia.

Pada tahun 1954, madrasah ini telah berjaya melahirkan 7 orang tenaga pengajar iaitu **Ustazah Fatimah Yusuf** selaku Bendahari sekolah, **Nik Kamariah Yahya, Karimah Abdullah, Wan Maimunah bt. Wan Hassan, Nik Zaharah Nik Yahya, Ustazah Salamah Hassan** dan **Ustazah Naimah**. Menjelang tahun 1958, bangunan sekolah ini telah dipindahkan ke Jalan Yahya Petra sehingga sekarang. Perasmiannya telah disempurnakan oleh **Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman Putra**, selaku Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, pada 3hb Ogos 1958 bersamaan 17 Muharram 1378. Sekolah ini dilengkapi dengan bangunan 2 tingkat sebanyak 9 bilik darjah dan sebuah bangunan asrama puteri 2 tingkat.

Dalam era awal 70-an, sekolah ini mengalami zaman kemerosotan berpunca daripada pembukaan sekolah-sekolah menengah kerajaan dan dasar Kementerian Pendidikan yang menghapuskan peperiksaan untuk kemasukan Sekolah Menengah bagi pelajar-pelajar tingkatan satu. Namun begitu

kemerosotan dapat dipertahankan dengan adanya bantuan daripada pihak Kerajaan Negeri Kelantan antara tahun 1974-1976.

Keadaan meruncing yang dialami oleh sekolah ini akhirnya berakhir pada tahun 1977 apabila Kerajaan Pusat bersedia mengambilalih pentadbiran dalam mewujudkan Sekolah Menengah Agama Naim di bawah pembiayaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Detik bersejarah ini berlaku pada tahun 1977 yang mana sekolah ini dengan sahnya dirasmikan oleh **Datuk Musa Hitam** selaku Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu.

1.1 Pernyataan Masalah.

Seringkali kita terbaca dalam akhbar-akhbar dan sebarang media cetak berkaitan dengan kejayaan dan kegagalan sesebuah sekolah khususnya pencapaian pelajar-pelajarnya dalam matapelajaran yang diambil. Berdasarkan kepada pernyataan di atas melalui pembacaan pengkaji terdapat banyak faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan dan kegagalan sesebuah sekolah dan pencapaian pelajar. Antara faktor besar yang boleh mempengaruhi kejayaan pelajar iaitu faktor dalaman sekolah seperti "Pengajaran Guru" .

Kajian ini mencuba untuk melihat bagaimanakah pengajaran guru mempengaruhi penguasaan pelajar dalam matapelajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Pengkaji menjuruskan pernyataan masalah kepada apakah kekuatan dan kelemahan pengajaran guru yang diukur dari aspek pemerhatian semasa pengajaran melalui pemerhatian dalam kelas dan melalui penggunaan soalan soal selidik pelajar. Penggabungjalinan antara kaedah pemerhatian guru mengajar dalam kelas dan soalan soal selidik pada anggapan pengkaji akan lebih mengukuhkan lagi kesahihan data-data yang dikumpul.

Selain daripada itu data-data dikumpul berkaitan dengan latar belakang murid, ibu bapa dan sebagainya. Kesimpulannya permasalahan yang hendak dijawab dalam kajian ini adalah :

- a) Kekuatan dan kelemahan pengajaran guru sebagai salah satu faktor mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.
- b) Faktor latar belakang pelajar mempengaruhi penguasaan Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

Kekuatan utama kajian ini bergantung kepada permasalahan pencapaian pelajar dalam peperiksaan yang menjuruskan kepada gambaran sebenar aspek pengajaran guru. Fokus utama kajian ini ialah untuk melihat perbandingan pengajaran guru-guru Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi di sebuah Sekolah Menengah dalam jajahan Kota Bharu.

1.2 Objektif Kajian.

Kajian dilakukan berdasarkan kepada objektif untuk melihat :

- a) Perbandingan pendekatan pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Antara aspek yang akan ditinjau ialah :
 1. Pendekatan pengajaran yang digunakan.
 2. Penggunaan BBM (Bahan Bantu Mengajar).
 3. Keberkesanan BBM.
 4. Penggunaan bahasa lain dalam pengajaran bahasa Arab.

- b) Penerimaan pelajar dan kebolehan menguasai serta masalah yang dihadapi untuk menguasai bahasa Arab.

- c Langkah-langkah terbaik yang boleh digunakan untuk membantu pelajar meningkatkan penguasaan Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

1.3 **Kepentingan Kajian.**

Kajian ini boleh dimanfaatkan sebagai :

- a) Rujukan kepada para guru atau para tenaga pengajar bahasa Arab.
- b) Panduan kepada penggubal soalan Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi peringkat Menengah atas dan Universiti.
- c) Rujukan kepada penggubal dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pendidikan Agama).
- d) Rujukan kepada pengkaji akan datang.

1.4 Bidang dan Batasan Kajian.

Bidang kajian ini berdasarkan pengajaran bahasa Arab. Pengkaji telah memilih aspek perbandingan pengajaran antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi, di sebuah sekolah menengah agama, di daerah Kota Bharu. Memandangkan kepada skop bidang kajian terlalu luas, pengkaji telah membataskan kajian kepada aspek perbandingan pengajaran antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi. Antara kajian yang ditumpukan ialah :

- a) Perbandingan antara pendekatan pengajaran.
- b) Jenis BBM yang digunakan.
- c) Perbandingan keputusan peperiksaan.
- d) Kekuatan dan kelemahan pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

Sebagai mengakhiri perbincangan dan kajian, pengkaji telah mencuba mengemukakan beberapa langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan pelajar dalam menguasai Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi.

1.5 Definisi Operasional.

Kajian ini ada melibatkan penggunaan beberapa istilah. Antara istilah-istilah yang perlu diberi definisi ialah :

1.5.1 Pengajaran.

Mengikut **kamus Dewan** (1993: 16), pengajaran bermaksud perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar)

1.5.2 Kajian.

Ialah kegiatan (usaha, proses) mengkaji secara mendalam atau terperinci.

1.5.3 Bahasa Arab Tinggi.

Berlainan dengan Bahasa Arab Komunikasi, kerana Bahasa Arab Tinggi ini banyak mempunyai aspek yang kontra dengan Bahasa Arab Komunikasi. Dalam mempelajari Bahasa Arab Tinggi pelajar-pelajar perlu menguasai kalimah secara mendalam untuk membetulkan nahu dan saraf. Penekanan kepada pengajaran memfokuskan kepada nahu dan saraf amat ditekankan. Kalimah-kalimah Arab sangat penting pelajar menguasainya terutama untuk memahami nas-nas yang dibaca dan didengar dengan tepat. Memandangkan Bahasa Arab Tinggi lebih memiripkan ke arah kalimah dalam Al-quran, pemahaman nas-nas dengan baik akan membolehkan pelajar membuat kesimpulan berdasarkan fakta-fakta yang dibaca dan didengar secara lisan dan tulisan.

Teks bacaan Bahasa Arab Tinggi menggunakan bahasa Arab yang tinggi dan standard, tidak seperti bahasa Arab Komunikasi yang lebih mudah. Oleh itu semasa proses pengajaran ianya berfokus kepada guru terutama dalam memberi penerangan kepada teks yang berbentuk ilmiah dan teknikal. Perbandingan yang dapat pengkaji rumuskan ialah Bahasa Arab Komunikasi adalah lebih mudah untuk dikuasai oleh pelajar berbanding dengan Bahasa Arab Tinggi kerana bahasanya berbentuk mudah dan tidak teknikal. Sukatan Pelajaran bahasa Arab Tinggi boleh dirujuk kepada lampiran 1.

Sebagai kesimpulan keseluruhan dalam bab ini, pengkaji telah membicarakan tentang sedikit pengenalan latar belakang sekolah yang menjadi tempat kajian ini.

Kajian ini juga memberi penekanan kepada perbandingan kaedah pengajaran antara Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi dan bagaimana penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar.

1.5.4 Bahasa Arab Komunikasi.

Bahasa Arab Komunikasi tidak mementingkan kepada penghuraian istilah tetapi sebaliknya lebih kepada bagaimana penggunaan perkataan atau perbendaharaan kata untuk menyampaikan sesuatu mesej. Kalimah-kalimah bahasa Arab tidak perlu pelajar mendalami nahunya. Bahasa Arab Komunikasi ini hanya memerlukan pelajar memahami maknanya supaya dapat mempraktik proses pertuturan dua hala. Bahasa Arab Komunikasi juga mementingkan ketepatan pemilihan perkataan semasa berkomunikasi antara dua hala dan lebih pragmatik dalam situasi pertuturan. Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi lebih kepada latih tubi yang bertujuan membolehkan pelajar mempraktik bentuk-bentuk komunikasi bahasa Arab. Teks bacaan yang digunakan menggunakan perkataan-perkataan yang mudah dan biasa digunakan dalam pertuturan.

Bagi menguasai Bahasa Arab Komunikasi dengan mengikut pemerhatian pengkaji, pendekatan pengajaran dua hala dipraktik. Latihan pertuturan antara guru dan murid serta murid dengan murid selalu digunakan untuk lebih membiasakan pelajar menggunakan perkataan yang diajar. Di samping pelajar berusaha menguasainya, pelajar juga perlu lulus dengan kepujian semasa Sijil Pelajaran Malaysia kerana Bahasa Arab Komunikasi telah ditetapkan syaratnya untuk layak memasuki tingkatan 6 Rendah. Sukatan Pelajaran boleh dilihat dalam lampiran 2.